



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-FATWA

PERKARA: PANDUAN PENGGUNAAN PEMBESAR SUARA DI MASJID / SURAU YANG MENIMBULKAN KERESAHAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT SETEMPAT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 27 November 2022 bersamaan 2 Jamadil Awal 1444 telah berbincang mengenai Panduan Penggunaan Pembesar Suara Di Masjid / Surau Yang Menimbulkan Keresahan Dalam Kalangan Masyarakat Setempat dalam Negeri Kedah dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Realiti masyarakat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Kedah dalam penggunaan pembesar suara di masjid / surau bagi aktiviti azan untuk pemakluman masuk waktu solat. Manakala iqamah untuk memaklumkan waktu hendak mendirikan solat. Oleh itu, azan dan iqamah dibenarkan menggunakan pembesar suara (bahagian luar dan dalam) untuk memenuhi tujuan tersebut. Ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ:

إِنَّمَا أَرَكَ تُحِبُّ الْعَنَمَ وَالبَادِيَةَ. إِذَا كُنْتَ فِي غَنِمَكَ وَبِادِيَتَكَ، فَأَذْنُنَّ بِالصَّلَاةِ، فَارْفَعْ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ، فَإِنَّهُ لَا يَسْمَعُ مَدَى صَوْتِ الْمُؤَذِّنِ حِنْ حِنْ لَا إِنْسَنٌ لَا شَهِيدٌ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.
(رواية البخاري)

Maksudnya; Sesungguhnya aku melihat kamu suka mengembala kambing dan berada dalam kawasan terpencil. Jika kamu mengembala kambingmu dan berada di kawasan kamu itu, maka kamu azan untuk solat. Angkatkan suaramu ketika melaungkannya, sesungguhnya tiada dengar sejauh suara muazzin itu samada oleh jin atau manusia atau sesuatu melainkan disaksikan akannya pada hari kiamat.

2. Bagi aktiviti selain azan dan iqamah seperti *tarhim*, pemasangan rakaman bacaan al-quran sebelum masuk waktu solat, aktiviti kuliah, ceramah, forum, berzanji, qasidah dan seumpamanya, sekiranya majoriti anak kariah beragama Islam terutamanya yang tinggal berhampiran masjid / surau dan **tiada sebarang rungutan daripada penduduk sekitar terhadap penggunaan pembesar suara di bahagian dalam atau luar masjid, maka ia dibenarkan.**

3. Bagaimanapun, jika terdapat rungutan penduduk setempat terhadap penggunaan pembesar suara di bahagian luar masjid / surau bagi aktiviti di perkara (2), maka Jawatankuasa Fatwa menasihati jawatankuasa masjid / surau agar;
 - 3.1 Menggunakan pembesar suara di bahagian dalam masjid / surau sahaja.
 - 3.2 Memanfaatkan medium dakwah melalui aplikasi berasaskan laman sesawang yang lebih efektif seperti *live streaming, facebook, youtube* dan lain-lain supaya liputan yang lebih meluas dan manfaat kepada masyarakat.
 - 3.3 Bagi aktiviti keagamaan yang lain selain azan dan iqamah seperti ketika wirid selepas solat dan sebagainya, pihak jawatankuasa masjid / surau dinasihatkan agar dapat melaraskan *volume* pembesar suara supaya suara imam tidak mengganggu para jamaah lain yang sedang mendirikan beribadat.
 4. Dalam hal ini, pihak jawatankuasa masjid / surau lebih berkelayakan untuk membuat pertimbangan atas budi bicara dan hemat mereka dalam menangani permasalahan ini dengan mengambil kira faktor-faktor yang boleh memberi manfaat atau mendatangkan kemudharatan kepada institusi masjid / surau selaras dengan firman Allah ﷺ;

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا
الإسراء : 10

Maksudnya; *Dan janganlah kamu mengeraskan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendahkannya dan carilah jalan tengah antara kedua itu*".

5. Justeru, Jawatankuasa Fatwa amat berharap agar isu ini dapat ditangani secara harmoni dengan mengambil kira kepelbagaiannya kaum dalam suasana masyarakat majmuk, mudah-mudahan Allah ﷺ merahmati usaha jawatankuasa masjid / surau dalam mempertahankan Sunnah Nabi ﷺ dan syiar Islam terus terpelihara.

Disahkan oleh:

John

**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,
DPSS., DSDK., AMK., BCK.
MULTI NEGERI KEDAH DARUJ AMAN.**

Tarikh: 29 Januari 2023 bersamaan 7 Rejab 1444